



SIARAN AKHBAR

JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**MAJLIS IBADAH KORBAN BAGI KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN SERTA
JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA BAGI TAHUN 1444H / 2023M**

1. Bandar Seri Begawan, 1 Julai 2023 – Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Jabatan-Jabatan di bawahnya pada hari ini telah mengadakan Majlis Ibadah Korban bagi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Jabatan-Jabatan di bawahnya bagi tahun 1444H /2023M bertempat di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Majlis pada tahun ini dikendalikan oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan.
2. Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan pengagihan daging-daging korban pada majlis tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Turut bersama hadir pada majlis korban ini ialah Yang Mulia Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab, Setiausaha Tetap di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap; Ketua-Ketua Jabatan; pegawai-pegawai kanan; para pegawai dan kakitangan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Jabatan-Jabatan di bawahnya.
3. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan diteruskan dengan laungan takbir raya secara beramai-ramai dipimpin oleh Yang Mulia Ustaz Hilman bin Haji Salim, Penolong Pensyarah di Kolej Ugama Perguruan Seri Begawan (KUPUSB). Majlis ini diserikan dengan ceramah khas sempena ibadah korban bertajuk ‘Kelebihan dan Hikmah Ibadah Korban’ yang disampaikan oleh Yang Mulia Ustaz Hilman bin Haji Salim. Majlis kemudian disusuli dengan penyampaian daging korban oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Sebanyak lima (5) ekor kerbau telah dikorbankan yang disertai oleh 34 orang peserta dan seterusnya diagihkan kepada 80 orang penerima yang terdiri daripada kakitangan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Jabatan-Jabatan di bawahnya.
4. Daging korban tersebut juga turut diberikan kepada seramai 20 penerima yang terdiri daripada golongan asnaf yang berdaftar di bawah Majlis Ugama Islam Brunei.

5. Majlis Ibadah Korban ini diadakan setiap tahun bagi menzahirkan tanda bersyukur di atas segala nikmat dan limpah kurnia yang diberikan dengan membelanjakan harta itu dengan sebaik-baiknya ke jalan yang diredhai oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Ianya juga membantu dalam memupuk sikap tolong-menolong terutama di antara sesama umat Islam sekaligus mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara satu sama lain.

-tamat-

Disediakan oleh:

Unit Perhubungan Awam
Bahagian Promosi dan Pemasaran
Jabatan Kemajuan Pelancongan
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan